

Rakyat penentu pembangunan Sabah

SDC peluang terbaik penduduk hapus kemiskinan, tingkat taraf ekonomi

2/2/08 m/s 10



KORIDOR PEMBANGUNAN SABAH

Oleh Veena Rusli

MEGAH di hujung Kepulauan Borneo selaku pulau ketiga terbesar di dunia, Sabah memiliki segala keajaiban yang diimpikan sebuah negeri - kekayaan sumber asli, keindahan alam semula jadi, kestabilan sistem pentadbiran dan kemesraan rakyat berbilang kaum serta keturunan.

Wajah Sabah 2008 diakui amat berbeza berbanding Sabah 1988 - baik dari segi infrastruktur, taraf sosioekonomi, perkembangan budaya mahu pun kemudahan seiring pembangunan yang menjadikan Negeri di Bawah Bayu semakin rancak mengatur langkah menyuntik persaingan.

Aturan itu semakin kemas menerusi Koridor Pembangunan Sabah (SDC) yang disingkatkan tirai rangka tindakannya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar, kira-kira 35 kilometer dari ibu negeri, Selasa lalu.

Prinsip, matlamat dan perancangannya bukan lagi rahsia. Pelaburan RM105 bilion yang menunggu sepanjang pelaksanaannya juga cukup mengujakan kerana tempoh 18 tahun akan datang bakal menentukan haluan dan wajah Sabah pada ketika Malaysia memasuki tahun kelima dengan status negara maju.

kepada kaedah pelaksanaannya dan kelalain merebut peluang boleh menyaksikan Negeri di Bawah Bayu kembali menggigit jari seperti satu ketika dulu.

"Sabah pernah menjadi sebutan berikutan kerancangan sektor pembalakan, kelapa sawit dan petrokimia, tetapi kita melepaskan peluang untuk memanfaatkannya. Sekarang peluang mengetuk pintu sekali lagi, kita tidak boleh leka," katanya yang berpendapat persekitaran bersesuaian bagi sektor perniagaan dan pembuatan boleh diwujudkan jika pelbagai masalah tertangguh diatasi segera.

Bertitik-tolak daripada pengalaman, beliau membangkitkan ingatan berguna untuk semua iaitu supaya menitikberatkan aspek menggerakkan industri hiliran terutama yang berasaskan balak dan kelapa sawit supaya produk nilai tambah dapat dihasilkan - sesuatu yang dilepas pandang ketika Sabah mengesap era gemilang daripada kekayaan sumber balaknya beberapa dekad lalu.

Seperti ditegaskan Perdana Menteri, rahmat SDC bakal melimpahi semua pihak tanpa ada yang terpinggir asalkan mereka bingkas menggapai peluang tanpa sempadan di depan mata, manakala Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman, turut memberi jaminan keutamaan akan diberi kepada rakyat Sabah untuk memajukan

miskinan, baik atas desakan kehidupan mahupun warisan turun-temurun.

"Jurang lebar di antara bandar dan luar bandar mesti dirapatkan. Orang kampung mesti diajak bersama dalam menjayakan SDC kerana jika melihat kepada asas perancangan SDC, masyarakat luar bandar sewajarnya menikmati banyak manfaat asalkan mereka dibimbing dengan betul.

"Kita bercakap soal masa depan. Penggerak sebenar SDC adalah masyarakat pada peringkat akar umbi dan golongan pertengahan," katanya.

Pelancongan selaku nadi ketiga utama selepas pertanian dan pembuatan yang menjana ekonomi Sabah, disenaraikan sebagai satu daripada teras yang bakal menggerakkan SDC.

Realistiknya SDC ialah pembangunan pelancongan akan melalui tiga peringkat iaitu fasa pertama membabitkan penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan bertaraf dunia, termasuk mewujudkan persekitaran seni serta budaya serba bertenaga, seiring keunikan 32 etnik tempatan Sabah.

Fasa kedua memberi tumpuan kepada pengukuhan Sabah selaku destinasi pelancongan-eko menerusi pemuliharaan, penyelidikan serta pembangunan mapan yang bakal diterajui pusat peranginan terkemuka, manakala fasa terakhir akan menyaksikan Sabah menjalani transformasi sebagai antara destinasi paling terkenal didiami di Asia yang menjanjikan kehidupan metropolitan di tengah keindahan 'syurga tropika'.

Semua itu membuka peluang seluas-luasnya bagi rakyat Sabah menyertai perjalanan panjang ini. Bermula dengan pen

kan penguasaan bahasa Inggeris dan beberapa bahasa lain seperti Mandarin, Korea dan Jepun di kalangan pekerja tempatan, sektor pelancongan dengan sendirinya dapat menghasilkan nilai tambah seperti perkhidmatan jurubahasa atau pemandu pelancong yang pastinya mampu melonjak graf kunjungan pelawat asing.

Seperkara yang perlu diberi perhatian serius oleh penggerak industri pelancongan Sabah ialah perlunya anak tempatan mengetahui sejarah dan latar belakang destinasi tarikan dengan mendalam. Kisah sejarah, asal-usul tempat, keunikan etnik dan latar belakang budaya perlu berada di hujung jari sebagai lambang kecintaan rakyat Sabah terhadap negerinya.

Ada pemerhati berpendapat, agak kurang wajar bagi rakyat Sabah terperosok ke kancas kemiskinan kerana bumi suburinya mampu menghidupkan apa juga tanaman jika rajin turun ke ladang atau kebun. Sayangnya, tanah terbiar dipenuhialang masih kelihatan di sana sini dan keadaan itu perlu diubah segera.

Mengimbas sepintas ucapan Abdullah pada Selasa lalu: "Tuhan merahmati Sabah dengan kekayaan alam semula jadi, maka jangan biarkan hidup kita dihimpit kemiskinan kerana Tuhan tidak berniat memaksa kita hidup dalam kemelatan."

Laut China Selatan dan Laut Sulu yang bertemu di Utara Sabah turut kaya dengan sumber rezeki. SDC bakal membawa pelbagai teknologi bagi memajukan sektor pertanian, sekali gus mengikis ruang untuk nilai sentimental seperti kaedah menangkap ikan atau menuai padi secara tradisional terus bertapak.

Cetusan idea Perdana Menteri menghakui pembangunan koridor di Semenanjung diterbangkan merentasi Laut China Selatan ke Malaysia Timur selayaknya diterjemah sebagai bukti kesungguhan kerajaan dalam mengagihkan kek ekonomi negara secara saksama, berpaksikan prasyarat semua pihak mesti serius menjayakannya.

SDC adalah kesinambungan pelan jangka panjang kerajaan yang lebih awal terzhahir menerusi Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) di Johor, Koridor Ekonomi Wilayah Utara (NCER) dan Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER) serta bakal disusuli Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (Score) pada 11 Februari ini sebagai pelengkap kitaran.

Bezanya, SDC tidak memberi tumpuan kepada kawasan tertentu tetapi merangkumi seluruh negeri dengan sasaran menghapuskan masalah kemiskinan tegar yang masih menebal. Uniknyanya juga, kedudukan geografi negeri berkeluasan 76,115 kilometer persegi itu meletakkannya di posisi cukup strategik dari segi logistik untuk menggerakkan rangkaian perdagangannya, baik menerusi perhubungan darat, udara mahu pun air.

Selaku negeri kedua terbesar dan masih dibebani masalah kemiskinan, SDC pada pandangan segelintir pemain industri adalah kesempatan terakhir bagi Sabah melakukan anjakan melakar masa depan rakyatnya ke tahap jauh lebih baik menerusi penerokaan peluang dalam pelbagai sektor sedia ada yang menjanjikan kemakmuran.

Presiden Persatuan Pekilang-Pekilang Sabah, Datuk Wong Khen Tau, mengaku SDC adalah laluan yang bakal membuka lembaran baru dalam aspek pembangunan di Sabah, namun hakikat itu bergantung

tanah kelahirannya sendiri.

Persoalannya, bersediaakah rakyat Sabah menterjemah setiap perancangan SDC dan memenuhi segala tuntutanannya?

Presiden Dewan Perniagaan Bumiputera Sabah, Datuk Ahmad Ali Lope Abdul Aziz, berkata golongan sasar yang sepatutnya lebih awal ke hadapan dan diberi keutamaan ialah penduduk kampung di luar bandar yang terjerat dalam perangkap ke-

didikan sempurna yang melahirkan modal insan berpengetahuan, penduduk luar bandar sudah boleh membayangkan usaha mengembangkan industri inap desa (homestay) di kampung, manakala anak muda perlu memberanikan diri mencari kerja di bandar dengan menceburi bidang perhotelan yang dilihat akan bergerak di jalan sehalu – ke hadapan.

Dengan sedikit usaha untuk mengukuh-

Peredaran masa memerlukan anjakan pemikiran. Jika si ayah di Pulau Banggi, Kudat mencari rezeki di laut menaiki sampan, anak yang menyambung perjuangan mesti turun menaiki bot berenjin yang mampu ke laut dalam dengan pulangan lebih lumayan dan hasil tangkapan diperluas menerusi nilai tambah seperti keropok untuk pasaran antarabangsa.

Kalau si ibu di Lahad Datu satu ketika dulu ke ladang memungut tandan kelapa sawit, si anak sepatutnya memiliki kilang memproses yang menghasilkan minyak bermutu tinggi untuk dieksport, sekali gus menyumbang ke arah perkembangan sektor pembuatan yang turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Sekiranya nenek di Keningau menghasilkan raga rotan untuk kegunaan harian, cucu mesti berupaya memiliki premis menjual hasil kraf tangan kepada pelawat yang mengagumi seni buatan halus masyarakat desa terencil – semuanya hasil pelaksanaan SDC yang mahu semua pihak menjadi pemain utama.

Sabah akan berubah seperti diimpikan, namun yang menjadikannya kenyataan bukan Perdana Menteri, Ketua Menteri atau rangka tindakan SDC kerana pelan dirangka sekadar panduan, manakala kerajaan menjadi pemudah cara.

Wajah sebenar Negeri di Bawah Bayu bakal dibentuk oleh rakyatnya – di kampung, di bandar, di Sabah, di Semenanjung atau di mana saja mereka berada. Seperti selayaknya, Sabah akan diubah rakyat Sabah, untuk rakyat Sabah. Kini adalah masanya untuk berubah.

Penulis ialah Ketua Biro Berita Harian, Sabah

INFO

Koridor Pembangunan Sabah

